

# Bekas kekasih didera enggan kembali

## Pilih gadis lebih muda, cantik sebagai pengganti

### KAUNSELING REMAJA

**Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon**  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya pernah menyakiti hati seorang lelaki dan memutuskan tali percintaan dengannya. Ketika kami berkawan, saya berlaku curang dan sering mengecewakannya.

Saya akui selama berkawan, saya selalu melakukan perkara yang menyakiti hatinya.

Dia banyak kali cuba mempertahankan perhubungan dan tidak sanggup melepaskan saya.

Ketika itu, apa yang saya fikirkan ialah hanya keseronokan dan nafsu. Akhirnya, saya ditinggalkan.

Pendek kata, saya selalu menderanya dari sudut emosi. Kata orang, menyesal tiada gunanya. Selepas kami tidak lagi bersama timbul kesedaran di hati dialah lelaki yang saya cintai.

Berbulan-bulan saya memujuknya untuk kembali kepada saya. Walaupun dia bersetuju tapi saya bukan lagi pilihan pertamanya. Dia kini mempunyai kekasih lebih

muda dan cantik daripada saya.

Saya mengambil keputusan untuk memberitahu kekasihnya bahawa saya dengan dia kembali bercinta.

Akibatnya dia mengambil keputusan untuk memutuskan hubungannya di antara kami berdua.

Saya sedih dan tidak dapat menerima hakikat itu kerana terlalu menyayanginya. Sudah puas saya memujuknya tapi dia tetap tidak dapat terima saya lagi dalam hidupnya.

**GADIS MERANA,  
Perlis**

**!** Memang sering berlaku, kita tidak menghargai apa yang kita ada sehinggalah kehilangannya.

Adik baru saja menyedari yang adik mencintai bekas kekasih apabila tidak lagi menjadi miliknya. Dr cukup mengerti perasaan ini. Ia cukup menyakitkan dan melukakan.

Pepatah cinta berbunyi: "Jangan sesekali mengucapkan selamat tinggal, jika kamu masih mahu mencuba. Jangan sesekali mengatakan kamu tidak mencintainya

lagi, jika kamu masih tidak dapat melupakannya".

Cinta manis bukanlah bertepuk sebelah tangan. Jika bekas teman lelaki tidak dapat menerima atas segala usaha yang adik usahakan, adik perlu belajar menerima kenyataan ini.

Memaksa bekas teman lelaki untuk membalas cinta adik hanya akan lebih menyeksakan hati adik. Apatah lagi emosi bekas teman lelaki pernah terguris akibat perbuatan adik sendiri.

Belajar perlahan-lahan untuk melepaskan memori indah cinta ketika bersamanya. Selagi mana adik masih berpegang kepada memori manis dan ingatan lampau, selagi itulah ia menjadi senjata menambahkan penderitaan jiwa adik.

Apa yang berlaku ada hikmahnya. Mungkin satu pengajaran. Apa yang lebih penting ialah jika ditakdirkan adik bercinta lagi, adik tidak akan mengulangi kesilapan dan kecurangan lalu. Pupuk dan peliharalah kesucian cinta. Cinta juga tidak disertai dengan hawa nafsu yang bergelora. Hargailah dirinya dan jadilah wanita yang ikhlas dan matang bercinta.

# Pelajar takut menanggung dosa

bersama dan lelaki terbabit memimpin tangannya.

Pada awalnya saya berasa cukup terkejut kerana dia seperti tiada rasa bersalah dengan perkara itu.

Mereka kelihatan semakin kerap keluar bersama dengan alasan hendak melakukan ulang kaji pelajaran bersama.

Apa yang tambah merunsingkan saya, lelaki terbabit semakin berani menyentuhkannya. Seperti yang diceritakan, lelaki itu mencuit dagu dan pipinya. Saya susah hati dan berasakan diri turut menanggung dosa kerana tidak mencegah tapi saya tidak berdaya.

Malah, saya sedih dengan keadaan ini kerana tidak mampu mencegah kemung-

karan yang berlaku. Apatah lagi kedua-duanya kawan saya. Saya cukup risau memikirkan hal ini. Harap masalah saya ini dapat dibantu.

**TAKUT MENANGGUNG  
DOSA,  
Negeri Sembilan.**

**!** Sesungguhnya apabila berkawan kita sedaya upaya mahu kawan kita sentiasa berada di landasan yang betul.

Namun, seperkara yang harus adik ingat ialah adik tidak mampu untuk mengubah seseorang itu jika dia sendiri tidak mahu berubah. Sewajarnya adik berkias dengannya dulu seperti mana digariskan dalam agama.

Ceritakan dengan sebaik-baik dan seikhlas mungkin supra-

ya kawan adik tidak terasa dengan teguran itu dan seterusnya dapat menerima apa yang cuba disampaikan.

Jangan sesekali menegur dengan cara kasar kerana ia akan meninggalkan kesan tidak baik kepada kawan adik itu.

Suasana kampus yang adik ceritakan ini sebenarnya sangat membantu kawan adik dan seluruh warganya untuk membina persekitaran Islam yang sempurna.

Dr dapat katakan sebegini kerana ia mempunyai nilai dan unsur Islam yang mampu membuatkan seluruh warganya berada dalam zon kehidupan yang baik. Jadi, sayang jika suasana yang membantu ke arah kebaikan ini dicemari dengan unsur-unsur yang boleh menggugurkan nilai keseniannya.

Justeru itu, Dr beranggapan wajar untuk adik membawa kembali rakan adik itu ke jalan yang betul kerana mungkin dia sedang terlalai dengan nikmat dunia ini. Tidak salah kita sesama manusia ini saling mengingatkan antara satu sama lain kerana itu yang sentiasa dianjurkan Islam.

Seharusnya adik meneruskan juga niat ini dengan apa jua cara sekali pun kerana ia juga boleh membantu diri adik supaya tidak dibelenggu dengan rasa bersalah. Cuma bagaimana cara untuk menyampaikan mesej itu yang perlu difikirkan kerana cara penyampaian mesej yang berhikmah dapat memberi kesan yang sangat kuat ke atas masyarakat.

Dr beranggapan ini salah satu usaha murni adik yang

tidak boleh dipandang remeh kerana membabitkan soal agama dan maruah seseorang individu. Pada pandangan Dr, teruskan dan fikirkan bagaimana cara paling berkesan untuk menyampaikan perkara ini supaya akan memberi manfaat kepada semua yang mendengarnya.

Semoga usaha murni dan niat ikhlas adik ini akan dipermudahkan Allah dan usah gundah jika gagal di pertengahan jalan. Tetapi teruskan melangkah dengan niat untuk membantu kerana akan ada jalan yang akan dipermudahkan oleh-Nya.

Usah berputus asa jika ia gagal kerana setiap usaha yang ikhlas itu pasti akan menemui kejayaannya: Dr doakan semoga adik teruskan perjuangan ini sehingga berjaya dan sentiasa berada dalam rahmat dan redha Allah.

